

Penggantian paip usang bagi menjamin bekalan berterusan kepada pelanggan

■ *Air Selangor sedang melaksanakan program penggantian paip untuk menukar paip usang yang sering bocor atau pecah*

Salah satu sebab berlakunya gangguan bekalan adalah kerana paip usang yang kerap pecah atau bocor, dan untuk mengurangkan kejadian sedemikian, Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd memperkenalkan program penggantian paip usang sejak ia mengambil alih industri perkhidmatan bekalan air di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya pada Oktober 2015.

Air Selangor bertanggungjawab menyelenggara rangkaian paip sepanjang 28,613 kilometer. Rangkaian paip ini memerlukan pengawasan rapi secara berterusan terutamanya paip usang yang melebihi 30 tahun.

Apabila paip menjadi usang, kejadian paip pecah dan bocor tidak dapat dielakkan. Kawasan-kawasan yang kerap mengalami kejadian paip pecah dan bocor ini telah dikenal pasti dan disenaraikan sebagai kawasan *hotspot* yang perlu diutamakan. Sebanyak 86 *hotspot* dikenal pasti di mana paip usang



PAIP Polietilina Ketumpatan Tinggi yang baharu (kiri) dan Simen Asbestos yang usang

sepanjang 439 kilometer akan diganti dari 2016 hingga 2019 bagi mengurangkan gangguan bekalan air kepada pelanggan di kawasan-kawasan tersebut.

Kebanyakan paip yang dikenal pasti dalam kawasan *hotspot* ini adalah paip jenis Simen Asbestos, yang mudah terhakis kerana dibuat daripada simen dan serat asbestos yang merosot setelah lama digunakan. Paip Simen Asbestos ini akan diganti dengan paip generasi baharu yang lebih mantap seperti paip Keluli Lembang (MS), Klorida Plivinil Tidak Berplastik (uPVC), Polietilina Ketumpatan Tinggi (HDPE) dan paip Besi Mulur (DI).

Selain menyebabkan kesulitan kepada pelanggan apabila berlakunya g a n g g u a n

bekalan air, paip yang pecah dan bocor turut menyumbang kepada kehilangan air tanpa hasil,



PAIP baharu yang sedia diganti

yang menyebabkan kerugian kepada syarikat. Oleh itu, program penggantian paip usang ini bertujuan untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan dan juga untuk membantu syarikat beroperasi dengan lebih efisien.

Kerja-kerja penggantian paip ini dijalankan dengan pinjaman daripada Kerajaan Negeri Selangor berjumlah RM248.7 juta, iaitu peruntukan sebanyak RM55 juta bagi 2017, RM100 juta bagi 2018 dan RM93.7 juta bagi 2019. Di samping dana tersebut, program ini juga dibiayai dengan dana dalaman sebanyak RM50 juta dan dengan geran

Kerajaan Negeri bernilai RM75.6 juta.

Menggunakan sumber peruntukan tersebut, Air Selangor berjaya menggantikan sebanyak 291.54 kilometer paip sehingga Disember 2018. Kerja-kerja sedang dijalankan di kawasan selebihnya dan dijangka siap pada penghujung 2019.

Kerja-kerja penggantian paip ini dijalankan secara berperingkat setelah mendapatkan kelulusan kerja daripada pelbagai agensi kerajaan yang terbabit.

Bagi 2019, tambahan 150 kilometer paip usang dikenal pasti untuk diganti. Air Selangor sedang dan akan terus mengenal pasti kawasan-kawasan lain yang memerlukan penggantian paip lama.

